

# BACOREN MUPIROCIN OINTMENT BP 2.0 %

## W/W

Mupirocin BP 2.0 % w/w

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BACOREN
2. Bagaimana BACOREN berfungsi
3. Sebelum mengambil BACOREN
4. Cara menggunakan BACOREN
5. Semasa menggunakan BACOREN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BACOREN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

### Apakah kegunaan BACOREN

BACOREN adalah salap antibakteria topikal yang digunakan untuk mencegah atau merawat jangkitan kulit bakteria seperti jangkitan kulit yang menular dengan melepuh dan berkulit yang dikenali sebagai "impetigo", kejangkitan folikel rambut yang membentuk jerawat yang mengandungi nanah yang dikenali sebagai "folliculitis" dan bisul berulang yang dikenali sebagai "furunculosis".

### Bagaimana BACOREN berfungsi

BACOREN adalah antibiotik yang dihasilkan melalui penapaian oleh *Pseudomonas fluorescens*. Apabila diserap ke dalam kulit, ia menghalang pembedakan protein bakteria dan menghapuskan bakteria apabila digunakan pada bahagian kulit yang dijangkiti.

### Sebelum mengambil BACOREN

#### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan BACOREN jika anda alah (hipersensitif) kepada mupirosin atau mana-mana bahan kandungan lain BACOREN.

Jika anda rasa anda mungkin alah ataupun mengalami tanda-tanda alahan, jangan gunakan BACOREN

sehingga merujuk kepada doktor anda.

#### -Sebelum mula mengambil

BACOREN boleh menyebabkan kerengsaan kulit dan tindak balas alergi. Salap BACOREN tidak sesuai untuk:

- Jangkitan mata
- Digunakan di dalam hidung
- Kulit berhampiran tiub yang dimasukkan ke dalam badan anda untuk penyaluran atau penyingkiran cecair badan (kanula)

Jauhkan salap ini daripada mata. Jika salap terkena mata anda secara tidak sengaja, basuhkan mata anda dengan air bersih yang banyak.

Salap BACOREN mengandungi polyethylene glycol, dimana dalam kuantiti besar boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang. Elakkan penggunaan BACOREN pada kawasan-kawasan kulit pecah atau rosak, terutamanya jika anda mempunyai masalah dengan buah pinggang anda.

Maklumat keselamatan penggunaan BACOREN untuk wanita hamil adalah terhad. Jika anda hamil, atau anda rasa mungkin hamil atau jika anda merancang untuk hamil, jangan gunakan salap BACOREN tanpa merujuk kepada doktor anda.

Resapan ubat ini ke dalam susu ibu masih tidak diketahui. Beritahu doktor jika anda sedang menyusukan bayi anda.

Jika anda menggunakan BACOREN pada puting merekah, basuh dengan teliti sebelum penyusuan susu ibu.

#### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, jika anda telah mengambil mana-mana ubat baru-baru ini, atau mula mengambil sebarang ubat yang

baru. Ini termasuk ubat anda membeli tanpa preskripsi.

### Cara menggunakan BACOREN

#### -Berapa banyak harus digunakan

Gunakan BACOREN seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Bagaimana untuk menggunakan BACOREN

- Basuhkan tangan anda sebelum dan selepas menggunakan BACOREN.
- Sapukan sedikit salap BACOREN pada kawasan terlibat dengan sekeping kapas bersih atau pembalut kasa.
- Selepas menggunakan salap, anda boleh menutup kawasan yang dirawat dengan pembalut steril atau pembalut kasa, melainkan doktor memberitahu anda untuk membiarkannya terdedah.
- Jangan campurkan BACOREN dengan losen, krim atau salap lain. Ini boleh mencairkan BACOREN dan menjejaskan rawatan anda.

#### -Bila perlu digunakan

Anda harus menyapu BACOREN dua atau tiga kali sehari sehingga sepuluh hari, bergantung pada tindak balas.

#### -Berapa lama perlu digunakan

Penggunaan BACOREN untuk tempoh yang disarankan adalah penting. Jangan berhenti awal kerana simptom-simptom anda mungkin lega sebelum jangkitan itu dibasmi sepenuhnya.

#### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan salap anda, sapukan ubat ini sebaik sahaja anda teringat

# BACOREN MUPIROCIN OINTMENT BP 2.0 %

## W/W

Mupirocin BP 2.0 % w/w

dan sapu dos berikutnya pada waktu biasa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Mengelap salap yang berlebihan dengan berhati-hati. Masalah dos berlebihan dengan ubat ini sangat jarang berlaku.

Jika anda tertelan BACOREN, hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

### **Semasa menggunakan BACOREN**

#### -Pekara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Jika anda kurang pasti, tanya doktor/ ahli farmasi anda untuk keterangan lanjut.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan BACOREN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

#### -Pekara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan memberi BACOREN kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan guna BACOREN pada mata.

Hentikan kegunaan BACOREN dan beritahu doctor jika anda mengalami tindak balas alahan (seperti ruam, kesakitan atau pembengkakan) semasa menggunakan salap BACOREN.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat yang lain, BACOREN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun ini tidak berlaku pada setiap orang.

Sila beritahu doktor/ahli farmasi/jururawat dengan segera dan berhentikan penggunaan BACOREN jika salah satu keadaan berikut berlaku.

Kesan sampingan berikut telah diperhatikan semasa rawatan dengan BACOREN:

- Ruam kulit yang gatal
- Bengkak, kadang-kadang pada muka atau mulut, menyebabkan kesukaran bernafas
- Pengan atau kehilangan kesedaran
- Kerengsaan
- Keradangan kulit
- Sensasi membakar

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

### **Cara penyimpanan dan pelupusan**

#### -Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering, bawah suhu 30°C. Jangan bekukan. Lindungi dari cahaya dan kelembapan. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Jangan gunakan ubat ini jika anda melihat tanda-tanda kerosakan atau kerosakan pada tiub atau produk. Kembalikan kepada ahli farmasi anda.

Jangan buang ubat-ubatan melalui air buangan atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana membuang ubat yang tidak lagi anda

gunakan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### -Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih hingga putih pudar, seragam dan tidak mempunyai bendasing.

#### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Mupirocin BP 2.0 % w/w*

- Bahan tidak aktif

*Macrogol 3350  
(Polyethylene glycol 3350)  
& Polyethylene glycol 400  
(PEG 400)*

#### -Nombor MAL

MALXXXXXXXXAZ

### **Pengilang**

Mepro Pharmaceuticals Private Limited  
Unit II Q Road, Phase IV Gide,  
Wadhwan City, Surendra Nagar,  
363035, India

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Synercam (M) Sdn. Bhd.,  
A-17-7, Block A, Jaya One,  
No. 72A, Jalan Profesor Diraja  
Ungku Aziz, Seksyen 13,  
46200 Petaling Jaya, Selangor

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

-06/08/2025

### **Nombor Siri**

NPRA (R2) 24/168